

MENGENALPASTI MASALAH KETIDAKHADIRAN PELAJAR HARIAN SEKOLAH RENDAH DALAM AKTIVITI GERKO MELALUI TEKNIK LUKISAN.

Prurin Robert Ipoque
Zuria Mahmud

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Ketidakhadiran pelajar dalam aktiviti Gerak Kerja Kokurikulum (GERKO) merupakan salah satu masalah yang sering berlaku di sekolah rendah. Kajian ini dijalankan disebuah sekolah rendah dalam daerah Simunjan Sarawak melibatkan pelajar harian. Kajian ini dilakukan berdasarkan kaunseling kelompok terhadap pelajar yang bermasalah dengan tujuan untuk mengenalpasti punca masalah ketidakhadiran pelajar melalui teknik melukis. Terdapat dua orang pelajar yang dikenalpasti mempunyai masalah tersebut yang dirujuk oleh guru Penolong Kanan Kokurikulum kerana mencatatkan kehadiran kurang daripada 85% sepanjang tiga bulan. Penyelidik meminta dua orang pelajar yang dipilih untuk melukis sebuah lukisan yang boleh menjelaskan punca dan sebab mereka tidak menyertai aktiviti GERKO. Dapatan kajian diperolehi secara kualitatif dengan menggunakan dua kaedah, iaitu pemerhatian terhadap tingkah laku semasa sesi melukis dan teknik temu bual semasa perbincangan bersama klien tentang lukisan yang dihasilkan. Hasil kajian ini, diharap agar masalah ini dapat dibendung secara holistik supaya pelajar dapat menyertai aktiviti GERKO seperti yang dirancang oleh pihak sekolah.

Kata kunci: *ketidakhadiran, GERKO dan teknik lukisan.*

1.0 PENDAHULUAN

Gerak Kerja Kokurikulum (GERKO) merupakan aktiviti yang wajib disertai oleh semua murid sekolah rendah tahap dua yang terdiri daripada murid Tahun 4, Tahun 5 dan Tahun 6 sahaja. Kajian ini dijalankan disebuah sekolah rendah dalam daerah Simunjan, Sarawak. Aktiviti GERKO merupakan aktiviti yang dirancang oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membantu para pelajar agar seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) untuk meningkatkan pencapaian dalam bidang sukan, malah dapat membantu pelajar meningkatkan prestasi dalam bidang akademik. Antara kegiatan GERKO yang dilaksanakan di sekolah rendah adalah melibatkan sukan dan permainan, kelab dan juga unit beruniform. Namun begitu, masalah ponteng melibatkan pelajar sekolah rendah secara berterusan dalam aktiviti GERKO telah menyebabkan peratus kehadiran menurun, malah masalah ponteng melibatkan pelajar sekolah harian sentiasa meningkat dari semasa ke semasa (Fives, C. J., Kong, G., DiGiuseppe, R., & Fuller, R., 2011). Oleh itu, modul kaunseling kelompok ini dibina untuk membantu pelajar yang bermasalah agar purata peratus kehadiran pelajar dalam aktiviti GERKO dapat ditingkatkan.

Proses kaunseling kelompok ini digunakan terhadap dua orang pelajar yang gagal menyatakan sebab ketidakhadiran mereka sepanjang aktiviti GERKO. Melalui kaunseling kelompok tersebut, hubungan dapat dibina malah dapat mewujudkan satu interaksi yang positif antara klien dengan kaunselor kerana ia merupakan satu proses interaksi yang membantu dan

membolehkan individu memahami diri dan persekitarannya (Asmah Ismail, 2017). Berdasarkan kajian Maynard et al. (2013), hubungan kekeluargaan tetap diambil kira dalam kajian ini sebagai faktor yang menyebabkan timbulnya masalah selain daripada faktor rakan dan persekitaran kerana klien merupakan pelajar sekolah rendah harian.

Sikap pelajar yang sukar diteroka dan sering mengelakkan diri daripada disoal serta mempunyai tingkah laku yang pelbagai menyukarkan proses kaunseling (Wang & Peck, 2013). Kaedah melukis merupakan pendekatan yang sangat sesuai digunakan untuk meluahkan perasaan kerana kanak-kanak sukar meluahkan perasaan secara lisan. Menurut Gladding (2016), pendekatan ini dianggap sebagai kaunseling kreatif kerana keupayaannya membantu kanak-kanak berinteraksi dengan baik, malah pendekatan ini juga mampu membantu kaunselor meningkatkan perkhidmatannya dari semasa ke semasa. Kenyataan ini disokong oleh Bastemur (2016), turut menyatakan bahawa pendekatan terapi melukis dapat membantu klien meluahkan perasaan atau isu yang menjadi punca kepada masalah yang dihadapi oleh klien.

Selain daripada itu, pendekatan ini juga dianggap sangat efisien dalam kalangan kaunselor (Wang & Peck, 2013) untuk membantu meneroka tingkah laku mereka kerana pelajar sangat susah meluahkan perasaan secara verbal. Menurut Ariane, Hartmut & Heidi (2013), pendekatan lukisan merupakan elemen yang menggabungkan bidang psikologi dan seni sebagai peluahan minda seseorang. Pelajar yang bermasalah sering mengelak dan sukar untuk meluahkan emosi, tetapi mereka dapat menzahirkan masalah mereka dalam bentuk visual atau lukisan. Kenyataan ini turut disokong oleh Lilian et al. (2017), bahawa penggunaan lukisan dapat menggalakkan keterbukaan pelajar berkongsi segala masalah kerana peluahan minda adalah bawah sedar (Ariane, Hartmut & Heidi., 2013).

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

- a. Untuk meneroka masalah ketidakhadiran pelajar harian dalam aktiviti GERKO.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kajian kes bagi mengetahui setiap perkembangan dan perubahan tingkah laku klien melalui teknik lukisan dengan membuat pemerhatian dan temubual. Pendekatan kajian kes diperlukan bagi membantu penyelidik meneroka dan memahami sesuatu isu yang kompleks. Tambahan pula, kajian kes mampu meneliti dan memahami sesuatu fenomena dengan lebih berkesan untuk membantu penyelidik memahami masalah sampel kajian melibatkan dua orang pelajar sekolah rendah yang berumur antara 10 hingga 11 tahun. Kedua-dua pelajar yang dipilih adalah pelajar sekolah rendah harian dalam daerah Simunjan, Sarawak. Terdapat dua cara digunakan untuk memperolehi data, iaitu kaedah pemerhatian dan temubual yang dikumpul secara kualitatif.

4.0 RESPONDEN

Sebelum peserta kaunseling kelompok dipilih, para ibu bapa dimaklumkan terlebih dahulu berkaitan kaunseling kelompok dan tujuan diadakan adalah untuk memberi manfaat kepada pelajar yang terlibat. Hanya dua orang pelajar yang dipilih untuk sesi kaunseling kelompok, iaitu seorang pelajar lelaki berumur 10 tahun dan pelajar perempuan berumur 11 tahun. Antara elemen-elemen yang digunakan untuk memilih peserta adalah berdasarkan purata kehadiran GERKO kurang daripada 85% selama tiga bulan berturut-turut berdasarkan jadual buku kehadiran GERKO yang disediakan oleh Penolong Kanan Kokurikulum.

5.0 DAPATAN KAJIAN

Asmah Ismail (2017) mengatakan bahawa kejayaan kaunseling kelompok terletak pada suasana yang permisif, saling mempercayai dan menerima, saling memahami dan memberi sokongan. Keupayaan klien menangani masalah diri serta bertindak dengan membina refleksi sendiri (Aminah Hashim & Asmah Ismail, 2000) menjadi pemangkin kepada pencegahan dan rawatan dimana ahli (klien) menilai diri dan situasi dalam usaha menukar sikap dan tingkah laku.

Sepanjang sesi kaunseling kelompok, tingkah laku kedua-dua klien diperhatikan sepanjang sesi atau sepanjang aktiviti melukis. Klien merupakan pelajar lelaki berumur 10 tahun dan pelajar perempuan yang berusia 11 tahun. Berikut merupakan hasil pemerhatian yang telah dibuat terhadap kedua-dua klien. Klien 1 (pelajar lelaki), sepanjang aktiviti melukis, didapati bahawa klien kelihatan kurang keyakinan serta keliru dengan aktiviti yang dijalankan. Sikap atau tingkah laku klien dapat dilihat apabila klien sering melihat ke arah kaunselor dan mengambil masa yang lama untuk menyiapkan lukisan walaupun diminta untuk menghasilkan sebuah lukisan yang boleh menggambarkan sesuatu peristiwa. Klien diminta agar tenang dan tidak terburu-buru supaya lukisan yang bakal dihasilkan mampu menggambarkan seluruh hidup klien itu sendiri. Namun begitu, klien telah berjaya menyiapkan lukisannya.

Pemerhatian terhadap klien kedua merupakan seorang yang kurang bercakap mungkin atas faktor jantina. Klien dilihat memahami tugas yang diberi dan ini memudahkan kaunselor meneroka serta membina hubungan. Klien mula melukis apabila disuruh dan dapat menghasilkan lukisan yang sempurna dengan tenang dan berhati-hati. Sepanjang aktiviti melukis, klien mampu melukis dengan menggabungkan unsur flora dan fauna. Ini menunjukkan bahawa klien sangat peka dengan persekitaran yang berlaku disekelilingnya. Klien tidak teragak-agak, malah yakin dengan lukisan yang dihasilkan olehnya mampu menceritakan segala yang terpendam.



Hasil lukisan klien 1

Berdasarkan lukisan klien 1 (lelaki), menunjukkan terdapat dua buah rumah telah dilukis. Hasil perbincangan dan temu bual, klien menyatakan bahawa kedua-dua rumah tersebut mewakili rumah klien dan bangunan sekolah. Klien menyatakan bahawa faktor jarak rumah ke sekolah merupakan elemen yang ingin diluaskannya. Gambar jalan yang dilukis oleh klien secara bengkok menggambarkan bahawa jarak sekolah daripada rumah klien sangat jauh. Hasil perbincangan bersama klien turut membongkar sebab utama klien tidak hadir aktiviti GERKO disebabkan oleh faktor jarak dari rumahnya ke sekolah sangat jauh, dan ini menyukarkannya menghadiri aktiviti GERKO pada sebelah petang.

Klien juga melukis gambar seorang budak sedang menunggang basikal. Visual ini menggambarkan bahawa klien ingin memiliki sebuah basikal untuk memudahkannya pergi ke sekolah seperti rakan-rakan yang lain. Klien turut menyatakan bahawa keluarganya tidak mampu menyediakan sebuah basikal atas sebab faktor soaioekonomi keluarga yang tidak mengizinkan. Tambahan pula klien mempunyai adik beradik yang masih bersekolah iaitu seramai empat orang termasuk klien. Klien juga melukis simbol matahari dalam lukisannya. Klien mengharapkan cuaca sentiasa baik agar klien dapat pergi ke sekolah pada sebelah petang.



Hasil lukisan klien 2

Lukisan klien 2 (perempuan) dalam lukisannya menggambarkan sebuah bangunan sekolah dan dua orang pelajar perempuan. Klien menceritakan bahawa dia tidak dapat hadir ke sekolah untuk aktiviti kokurikulum kerana bapanya tidak dapat menghantarnya ke sekolah seperti pelajar yang lain. Menurut cerita daripada klien, ibu dan bapanya telah bercerai dan klien kini tinggal bersama bapa dan neneknya. Bapa klien hanya dapat menghantarnya ke sekolah pada sebelah pagi sahaja sebelum turun bekerja dan balik pada sebelah petang. Oleh itu, klien tidak dapat menyertai aktiviti GERKO sepanjang tempoh tiga bulan ini.

Dua orang yang terdapat dalam lukisannya merupakan kawan yang pernah bersama-sama dengannya pergi ke sekolah pada waktu pagi dan petang. Kedua-dua kawannya telah melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah selepas Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Semenjak itu klien tidak dapat hadir aktiviti kokurikulum kerana dia tidak berani berjalan seorang diri, walaupun ada pelajar lelaki lain yang sama kampung dengannya. Klien menyatakan bahawa dia berasa malu pergi ke sekolah bersama-sama dengan pelajar lelaki memandangkan hanya dia seorang sahaja perempuan dalam kelompok tersebut. Selain itu, isu keselamatan juga merupakan faktor utama klien tidak berani pergi ke sekolah atas sebab jarak rumahnya dengan sekolah adalah jauh.

6.0 PENUTUP

Hasil kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa kedua-dua klien telah menyatakan punca mereka ponteng aktiviti GERKO. Lukisan yang dihasilkan oleh mereka merupakan satu luahan yang diterjemahkan melalui lukisan dalam bentuk imej. Mohd. Kamal et.al., (2013) menyatakan bahawa lukisan merupakan suatu aktiviti dalam bidang seni yang boleh menghasilkan bentuk dan imej sesuatu yang berkaitan dengan luahan emosi, kognitif dan spiritual seseorang.

Perbincangan bersama pelajar lelaki menunjukkan bahawa faktor ponteng disebabkan oleh masalah yang berkaitan dengan masalah keluarga. Kenyataan ini disokong oleh kajian Vanassche et.al., (2013), menunjukkan pelajar yang bermasalah mempunyai hubungan kekeluargaan yang tidak harmoni. Faktor keluarga yang bermasalah dari segi ekonomi juga

punca kepada masalah disiplin pelajar. Perkara ini terjadi keatas seorang klien yang mempunyai keluarga yang tidak harmoni serta memiliki tahap sosioekonomi yang rendah.

Hubungan sosial juga merupakan faktor yang boleh menyebabkan seseorang itu ponteng seperti yang berlaku keatas seorang klien pelajar perempuan. Hasil lukisan menunjukkan bahawa punca ketidakhadiran berpunca daripada rakan sebaya yang tidak sama jantina. Dalam lukisannya, klien telah melukis dua imej perempuan untuk menyatakan bahawa dia mengharapkan rakan-rakan yang sama jantina untuk sama-sama pergi ke sekolah pada waktu petang. Sebaliknya, dia mempunyai beberapa orang sahabat yang tidak sama jantina. Oleh itu, klien berasa malu dan tidak mahu menyertai aktiviti GERKO walaupun dia berminat menghadiri setiap GERKO yang dijalankan di sekolah. Menurut Asmawati Desa et.al, (2015), perbezaan fizikal, mental dan psikososial mempengaruhi personaliti seseorang. Akhirnya, pelajar berkenaan telah hilang minat dan dia mengambil keputusan untuk ponteng. Hasil daripada kajian ini diharap mampu membantu semua klien mengubah tingkah laku mereka yang selama ini tidak diketahui oleh mana-mana pihak. Dengan adanya kajian ini juga segala punca ketidakhadiran pelajar dapat ditangani dengan berkesan oleh pihak yang bertanggungjawab khususnya pihak sekolah.

7.0 RUJUKAN

- Asmah Ismail (2017). Kaunseling kelompok: Proses Kemahiran dan Isu.
- Asmawati Desa (2015). Pengantar Psikologi, Kuala Lumpur: Sj. Learning.
- Aminah Hashim & Asmah Ismail. (2000). Kaunseling kelompok: Modul untuk pelajar. Bahan tidak diterbitkan.
- Ariane, Hartmut & Heidi (2013). This is my family: Differences in children's family drawing across cultures. *Journal of Cross-Cultural Psychology*, 1-18.
- Bastemur, S., Dursun-Bilgin, M., Yildiz, Y., & Ucar, S. (2016). Alternative Therapies: New Approaches in Counseling. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 217, 1157-1166.
- Fives, C. J., Kong, G., DiGiuseppe, R., & Fuller, R. (2011). Anger, Aggression and irrational beliefs in adolescents. *Cognitive Therapy and Research*, 35(3), 199-208, doi: 10.1007/s10608-009-9293-3.
- Lilian, K., David, H., Sonia, S. & Mark, D. (2017). Family drawings before and after treatment for child conduct problems: Fluidity of family dysfunction. *Journal of Children and Family Studies*, 26, 3476-3489.
- Maynard J. B. (2014). Truants' perceptions of family factors as cause of school truancy and non-attendance. *Journal of Psychology*, 5(1), 47-53.
- Mohd. Kamal Mohd Ali et.al (2013). Interpretasi Lukisan Kanak-Kanak. Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak Negara. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Gladding, S. T. (2016). *The Creative Arts in Counseling* (fourth). Stevenson Avenue, VA; American Counseling Association.
- Vanassche, S., Sodermans, A.K., Matthijs, K. & Swicegood, G. (2013). The Effects of family type, family relationships and parental role models on delinquency and alcohol use among Flemish adolescents. *Journal of Child and Family Studies*, 23, 128-143.
- Wang, M. T. & Peck, S. C. (2013). Adolescent educational success and mental health vary across engagement profiles. *Developmental Psychology*, 49, 1266-1276.